

Manfaat semua aset, logistik maksimumkan pemberian vaksin

Oleh [Noorlailey M Fadzilah](#) - Jun 12, 2021 @ 10:11am
bhrencana@bh.com.my



Warga emas menerima vaksin COVID-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) mega Pusat Konvensyen Setia City, Shah Alam. NSTP/Faiz Anuar

Mobiliti mempercepatkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan masih menjadi pertikaian dengan pelbagai kritikan dilemparkan, termasuk ekuiti bekalan vaksin dilabel sebagai monopoli kerajaan.

Punca utama kelesuan momentum program imunisasi ini berikutan kekurangan bekalan vaksin di pasaran antarabangsa yang di luar kawalan kerajaan, selain permintaan dunia yang melebihi kadar pengeluaran.

Malaysia masih menunggu giliran bersaing dengan lebih 90 negara lain. Selain isu bekalan, masalah lain terkait kadar pendaftaran vaksin yang masih rendah.

Banyak faktor dilihat menyumbang seperti ketidakpercayaan segelintir golongan dengan sikap tunggu dan lihat, kelemahan penyampaian maklumat berkaitan vaksin secara menyeluruh serta gerakan antivaksin yang kian menular dalam kalangan masyarakat.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- [ATM bakal buka 6 PPV pandu lalu](#)
- [Pemilihan PPV ditentukan melalui MySejahtera](#)
- [605 pusat suntikan vaksin dikenal pasti](#)

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 14m [Insiden timpa Eriksen ibarat 'roller coaster' - De Boer](#)
- 23m [Rampasan kuasa: Putera Jordan didakwa minta bantuan Arab Saudi](#)
- 36m [Jatuh tergolek raikan gol](#)
- 43m [FAMA Sabah agih bahan makanan di kawasan PKPD](#)
- 1h [Pemain England jalani pemeriksaan jantung](#)
- 1h [Ardern kritik filem dirinya tangani serangan kejam 2019](#)
- 1h [Penerbit masih berdepan isu bayaran rendah, lambat](#)
- 1h [Anggota NATO perlu dasar lebih kuat terhadap China](#)

- **Malaysia laksana program imunisasi COVID-19 hari ini**

Penyebaran informasi berkaitan vaksin kurang tepat atau salah, sedikit sebanyak mengganggu kelancaran. Ia antara punca mengapa ramai rakyat gagal menghadiri janji temu suntikan vaksin.

Banyak cadangan dikemukakan kepada kerajaan dalam memperhalusi mekanisme lebih ampuh bagi mempercepatkan kadar vaksinasi negara.

Antaranya, memobilisasi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk mengetuai Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan sepenuhnya di bawah Perkara 150 (1), yang diusulkan kepada Yang di-Pertuan Agong susulan proklamasi darurat kini.

Memobilisasi angkatan bersenjata seperti ATM dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi mengawal krisis keselamatan kesihatan bukan idea asing.

Ketika serangan wabak virus nipah yang melanda negara sekitar 1999, anggota tentera dan polis pernah digerakkan ke Kampung Sungai Nipah dan Bukit Pelandok di Negeri Sembilan bagi mengendalikan pergerakan dan mematikan semua khinzir di kawasan itu.

Malah, sejak kerajaan mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020, Kementerian Pertahanan sudah memobilisasikan anggota dan aset ketenteraan bersesuaian bagi membantu PDRM melalui Operasi Penawar (Op Penawar) atas faktor kadar pematuhan rakyat rendah sekitar 60 peratus pada peringkat awal pelaksanaan PKP.

Lebih 7,000 anggota tentera digerakkan bagi membantu meninjau pergerakan dan turut membabitkan pemantauan melalui Pasukan Gerakan Udara dengan menggunakan unit dron ATM.

Selain sekatan jalan raya, ATM membantu melakukan rondaan di kawasan tumpuan awam dan menghantar bantuan peralatan, makanan, kelengkapan dan pakaian perlindungan diri (PPE) ke seluruh negara.

Melalui Bahagian Perkhidmatan Kesihatan dan Rejimen Askar Jurutera Diraja pula, ATM banyak menggerakkan asetnya dalam merancang, membina dan mengoperasikan struktur sementara untuk kegunaan ketika pandemik.

Antaranya penubuhan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) MAEPS di Serdang, Pusat Rawatan Sementara (MTC) di Pokok Sena di Kedah serta Hospital Medan di Kepala Batas (Pulau Pinang), Tawau (Sabah) dan Kapit (Sarawak) yang berperanan sebagai kemudahan wad tambahan untuk unit rawatan rapi (ICU), farmasi, X-ray dan bilik rawatan kecemasan.

ATM sememangnya berperanan sebagai entiti terpenting menjaga

VAKSIN



ASIA 3 jam yang lepas

Arab Saudi wajibkan vaksin pengunjung pusat beli-belah



NASIONAL Jun 13, 2021 @ 6:35pm

Vaksin sedia ada berkesan lindungi daripada VOC



NASIONAL Jun 13, 2021 @ 2:03pm

Rakyat Malaysia kembali hidup normal selepas kejayaan vaksinasi Hungary.



NASIONAL Jun 13, 2021 @ 1:10pm

Pusat Pemberian Vaksin COVID-19 UNIMAS beroperasi esok



NASIONAL Jun 12, 2021 @ 6:58pm

Bebas PKP dengan giatkan vaksinasi - Pakar



NASIONAL Jun 12, 2021 @ 5:11pm

3,000 pekerja pasar borong diberi vaksin minggu depan

TRENDING



ASIA 4 jam yang lepas

Arab Saudi benarkan wanita tanpa mahram tunai haji



NASIONAL 12 jam yang lepas

Polis tahan lori bawa pekerja kilang positif COVID-19



NASIONAL Jun 13, 2021 @ 7:20pm

15 jemaah masjid di Jitra meninggal dalam 2 minggu



BOLA Jun 13, 2021 @ 2:32pm

'Penalti itu betul, tiada masalah'

Atm sememangnya berperanan sebagai entiti terpenting menjaga keselamatan dan melindungi kedaulatan negara. Namun, timbul persoalan sejauh mana keperluan mengaktifkan undang-undang tentera (Akta Angkatan Tentera 1972) dalam situasi semasa?

Apakah kita sudah mencapai tahap tentera diperlukan bagi mengerah rakyat untuk mengambil suntikan vaksin secara paksaan?

Realitinya, tidak semua peperangan sesuai untuk angkatan bersenjata ini berada di barisan hadapan. Ibarat pepatah lain padang, lain belalang.

Pokoknya, sinergi usaha antara semua pihak sebenarnya diperlu bagi mempercepatkan kadar vaksinasi negara, bukan melepaskan tanggungjawab kepada pihak lain seandainya satu pihak lagi dikatakan gagal.

Kerajaan perlu segera menggembeleng lebih usaha dan menggerakkan mekanisme lain dengan lebih agresif, pantas dan efisien bagi kemudahan mendapat akses vaksinasi.

Melihat sudut sosial masyarakat, gerakan program kesedaran Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan boleh dilaksanakan melalui medium seperti program mandatori oleh semua Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk mendaftarkan vaksinasi kepada seluruh rakyat di kawasan masing-masing.

Peranan parti politik atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO), kerjasama dengan personaliti berpengaruh atau figura terkenal seperti bangsawan, agamawan, selebriti, atlet sukan dan sebagainya juga, perlu bagi memastikan tidak ada rakyat tertinggal dalam proses pendaftaran vaksin ini.

Mekanisme lain dilihat bersesuaian seperti penyediaan sistem walk-in di setiap pusat pemberian vaksin (PPV) dengan tetapan waktu tertentu bagi mengatasi jumlah ketidakhadiran tinggi atau isu logistik penyimpanan semula vaksin.

PPV berskala kecil di setiap daerah, mukim, kawasan perumahan atau kampung dengan kerjasama klinik swasta mahupun kerajaan serta pembabitan wakil komuniti setempat seperti Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan persatuan penduduk juga boleh disediakan kerajaan bagi mengurangkan aliran trafik sesak di PPV mega.

Aset kenderaan ATM sebagai trak vaksin bergerak juga boleh dimobilisasi untuk capaian ke kawasan pedalaman seperti di Sabah dan Sarawak, serta kawasan perkampungan Orang Asli.

Kejayaan projek rintis PPV secara pandu lalu di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian di Kelantan, seharusnya menjadi pemangkin untuk diwujudkan lebih banyak PPV seumpama itu di seluruh negara. Ia sekali gus membantu dalam mengurangkan risiko pendedahan kes sporadik COVID-19.

Seterusnya, bantuan logistik dan insentif kewangan harus disalurkan kerajaan terutama bagi penduduk luar bandar ke PPV berdekatan mereka, di samping meningkatkan jumlah serta kualiti pusat sehati bagi tujuan peringatan janji temu untuk program imunisasi dan menjawab sebarang kemusykilan orang ramai mengenai vaksin.

Kesimpulannya, negara sudah berada dalam kancuh peperangan melawan COVID-19 yang memerlukan kerjasama semua pihak untuk menggempur dengan menggunakan segala sumber tenaga dan kepakaran yang ada.



NASIONAL Jun 13, 2021 @ 2:03pm

Rakyat Malaysia kembali hidup normal selepas kejayaan vaksinasi Hungary.

MYRESIPI



TIPS & PETUA


Jun 11, 2021 @ 9:55pm

Tips Mudah Kopek Kerang, Supaya Isi Tidak Hancur & Kekal Cantik



RESEPI Jun 11, 2021 @ 9:54pm

Resepi Kuey Teow Goreng Sup Siam, Terlajak Sedap!



TIPS & PETUA

Jun 10, 2021 @ 4:23pm

Tips Bagi Mengekalkan Kelembutan Daging, Confirm Tak Liat!



RESEPI Jun 10, 2021 @ 4:19pm

Lembut & Berlemak, Ini Cara Buat Agar-Agar Susu Kotak Viral, Senang Je!



TIPS & PETUA Jun 9, 2021 @ 2:55pm

Petua Orang Dulu, Ini Cara Goreng Telur Supaya Tidak Meletup & ‘Bebas’ Percikan Minyak

Tanggungjawab tidak seharusnya terletak pada bahu sebelah pihak saja kerana dikhuatiri akan merencatkan kelicinan usaha untuk melawan musuh tidak kelihatan ini.

Pengendalian Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan wajar dilakukan secara kolaboratif oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan gandingan bahu bersama ATM, PDRM dan ketumbukan yang sudah dimobilisasikan ke segenap pelosok negara demi menjaga kepentingan orang awam supaya tiada lagi gelombang baharu tercetus.

Paling penting, ia akan membantu dalam mengelakkan perkara paling ditakuti iaitu kelumpuhan sektor perkhidmatan kesihatan.

Penulis adalah Penyelidik Kanan di Institute of Strategic Analysis and Policy Research (INSAP)

BERITA BERKAITAN



NASIONAL Feb 20, 2021 @ 11:10am
ATM rangka pelan tindakan pengurusan, pengendalian vaksin



NASIONAL Jun 5, 2021 @ 11:23am
Ucapan Perdana Menteri berhubung perkembangan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan



NASIONAL Jun 5, 2021 @ 11:39am
Kadar vaksinasi dos pertama Malaysia antara tertinggi di Asia Tenggara



NASIONAL Feb 21, 2021 @ 7:17pm
Perak dijangka terima 79,560 dos vaksin

Disyorkan untuk anda

Recommended by |



Japan Airlines to rev up LCC network amid...
Nikkei Asia



Agnes Chow released from Hong Kong prison
Nikkei Asia



Dwayne 'The Rock' Johnson Buys Georgia...
Mansion Global



Malaysia - Latest news & coverage
CNA



Dental Implant
Prices in Nearby
Countries in 202...

Dental Implants | Search...



The push-up bra
that has taken the
world by a storm.

AirBra Pro™



Med-Free "Lung
Cleaning" Device

Taking Malaysia...

AirPhysio



Petaling Jaya:
Liquidation Of
Unsold 2020...

SUV Deals | Search Ads



IKUTI KAMI DI:



- [BERITA](#)
- [BHPLUS](#)
- [Nasional](#)
- [Kes](#)
- [Politik](#)
- [Pendidikan](#)
- [Wilayah](#)

- [SUKAN](#)
- [DUNIA](#)
- [HIBURAN](#)
- [BISNES](#)
- [RENCANA](#)
- [WANITA](#)
- [HUJUNG MINGGU](#)

- [MULTIMEDIA](#)
- [Foto](#)
- [BHTV](#)
- [Infografik](#)

- [LANGGAN](#)
- [Akhbar Digital](#)
- [Akhbar BH](#)

- [PERKHIDMATAN](#)
- [Iklan Web](#)
- [1Klassifieds](#)
- [NSTP KLiK](#)